



التقوى

مشقصة

APRIL — SEPTEMBER 2019M 1440/1441H

ARTIKEL HALALAN TOYYIBAN

MENARIK DI DALAM

AKTIVITI INTEGRITI

AKTIVITI MAKTABAH

**FENOMENA GERHANA
MATAHARI DI MALAYSIA**

6

11

19

لنظ
29

Kalam Mufti



S.S. DATO SETIA HJ. MOHD TAMYAS BIN ABD WAHID
Dato Seri Utama Diraja Mufti Selangor

Segala puji dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT yang sentiasa melimpahkan taufiq dan hidayah—Nya sehingga kita masih lagi diberi nafas dan dipanjangkan usia dalam melaksanakan tugas dan kewajipan sebagai khalifah di muka bumi ini. Solawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat Baginda sekalian.

Alhamdulillah, sekali lagi saya memanjatkan rasa kesyukuran kehadrat Ilahi kerana masih lagi dapat bersama dalam penerbitan **Buletin At Taqwa Bil. 29 Siri 02/2019**.

Islam merupakan agama yang sangat sistematik, terdapat padanya panduan dalam setiap aspek kehidupan manusia termasuklah dalam bab pemilihan makanan. Islam amat memberi penekanan terhadap pemakanan yang halal setiap hari. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maaidah ayat 88, yang bermaksud ;

“Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik dan bertakwalah kepada Allah yang kepadaNya sahaja kamu beriman.”

Ayat ini menjelaskan tentang kepentingan mencari dan memilih makanan yang halal lagi baik dalam kehidupan harian. Halalan Toyyiban membawa maksud sesuatu yang halal yang bersifat baik dan elok. Dalam Islam konsep Halalan Toyyiban ini amat luas, tidak terhad kepada makan minum sahaja bahkan meliputi seluruh kepenggunaan produk dan perkhidmatan dalam muamalah seharian. Melihat kepada peri pentingnya konsep Halalan Toyyiban dalam setiap tatacara kehidupan, maka ruangan Fokus pada kali ini mengupas lanjut mengenainya.

Akhir kalam, semoga kita sentiasa berusaha mencari yang halal dan meninggalkan yang haram dalam setiap ruang lingkup kehidupan harian bukan sahaja melibatkan makan minum bahkan apa jua yang dilakukan saban hari. Mudah—mudahlah amalan dan ibadah yang kita lakukan diterima, diredhai dan menjadikan kita hamba—Nya yang sentiasa dirahmati di sisi Allah SWT. Insyaa—Allah.

Sekian, terima kasih.

Kalam Ketua Editor

USTAZAH JAMILAH BINTI MUHAMMAD JAMIL
Ketua Editor

Alhamdulillah, segala puji dan kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan izin—Nya jua kita dapat bersama lagi untuk terbitan kali kedua Buletin At Taqwa bagi tahun 2019.

Terbitnya keluaran ini menandakan kita telahpun berada dihujung tahun 2019. Sebahagian besar program serta aktiviti jabatan yang dirancang telah pun berjaya sebagaimana yang disasarkan.

Fokus Buletin At Taqwa pada keluaran kali ini merungkai topik yang amat dekat dengan kehidupan manusia iaitu bab halal haram dalam pengambilan makan minum seharian. Islam amat menitikberatkan persoalan ini bukan sahaja dalam pengambilan produk makanan tetapi dalam skop yang lebih luas dan menyeluruh termasuk halal haram dalam perolehan sumber rezeki. Kita bersyukur kerana industri Halal di Malaysia kini telah berkembang dan konsep Halalan Toyyiban diterima dan difahami oleh masyarakat bukan sahaja oleh orang—orang Islam tetapi kaum bukan Islam juga berminat dan cenderung kepada produk yang halal serta bersih.

Dalam menzahirkan pemahaman terhadap konsep Halalan Toyyiban, sebagai umat Islam yang sentiasa peka dan perihatin terhadap isu halal haram ini sepatutnya lebih cenderung memilih dan mengutamakan produk—produk keluaran muslim terlebih dahulu berbanding pengeluar—pengeluar lain. Pada masa yang sama ia membantu menjana pendapatan dan ekonomi orang Islam.

Harapan saya mudah—mudahlah segala maklumat dan berita—berita yang dipaparkan walaupun sedikit, masih dapat memberi manfaat kepada semua khususnya para pembaca sekalian. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan salam Maulidur Rasul SAW bersempena dengan bulan kelahiran Baginda Rasulullah SAW pada 12 Rabi' al Awwal 1441H. Akhirnya marilah kita sama—sama perbanyakkan solawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW.

Sekian, terima kasih





SIDANG REDAKSI

» PENAUNG

S.S Dato Setia Haji Mohd Tamyas Bin Haji Abd. Wahid
Dato Seri Utama Diraja Mufti Selangor

» PENASIHAT

S.S Dato Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir
Timbalan Mufti Selangor

» KETUA EDITOR

Ustazah Jamilah Binti Muhammad Jamil
Penolong Mufti Kanan

» SIDANG EDITOR

Ustaz Hj. Hardi Bin Mohammad Sadali
Ustaz Khairiamri Bin Ahmad
Puan Erni Syazarina Binti Mohd Anwar
Encik Norakmal Azraf Bin Awaluddin

» PENULIS/ PENYUMBANG BAHAN

Encik Norakmal Azraf Bin Awaluddin
Ustaz Khairul Jahrin Bin Hj. Nasri
Ustaz Sufiyan Hadi Bin Sayuti
Ustaz Mohd Ariff Bin Arbain
Ustaz Azezul Azery Bin Zul Azmi
Ustaz Ahmad Radhi Bin Mat Shah
Ustaz Mohd Amin Bin Hanapiah
Ustaz Muhammad Fakhri Bin Zamri

» EDARAN

Ustazah Srimurni Hidayati Binti Muhammad Sujari
Encik Razlan Bin Umar

» JURUGAMBAR

Hj. Muhammad Nuruddin Bin Norisham

Kandungan

Kalam Mufti & Ketua Editor 1

Sidang Redaksi & Isi Kandung 2



Artikel 3-5



Aktiviti Integriti 6



Aktiviti Fatwa 7-8

Aktiviti Bahagian Falak 9-10

Aktiviti Bahagian Maktabah 11-12

Informasi Fatwa 13

Aktiviti Bahagian Khidmat Pengurusan 14 -15

Informasi Akrab 16

Taudhih Al-Ahkam 17-18

Informasi Falak- Gerhana Matahari di Malaysia 19-20

Informasi Bahagian Khidmat Pengurusan 21-22

FOKUS

MENCARI YANG HALAL

Oleh: Mohamed Shukry bin Sulaiman
Ketua Penolong Mufti Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Selangor

Dalam kehidupan kita seharian, sudah pasti kita tidak akan terlepas dari mendapatkan sumber makanan bagi menghasilkan tenaga demi kesinambungan kehidupan seharian. Perlu dinyatakan bahawa sumber makanan yang diambil adalah tertakluk kepada lima hukum iaitu halal, haram, syubhat, makruh dan harus (mubah).

Sebagai seorang yang beragama Islam, kita perlu memastikan setiap makanan yang akan dimakan adalah bersifat **"Halalan Toyyiban"**. Adakah kita benar-benar memahami konsep ini?

Perkataan 'Halal' berasal daripada frasa dalam bahasa Arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan.

Manakala 'Toyyib' bermaksud sesuatu yang baik, untuk kesihatan tubuh badan dan sesuai dimakan. Gabungan dua konsep ini membawa kepada pengertian keseluruhan konsep "Halalan Toyyiban", iaitu makanan halal yang baik.

Firman Allah S.W.T. dalam Surah al-Baqarah, ayat 168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

Bermaksud:

Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.

Kita disuruh oleh Allah SWT untuk memakan makanan yang diyakini halal dan menjauhi makanan yang syubhat (diragui kehalalannya) apatahlagi makanan yang jelas haram dimakan.

PRODUK MAKANAN DAN MINUMAN YANG DIRAGUI STATUS HALAL

Apa yang berlaku pada hari ini adalah dengan lambakan pelbagai jenis makanan dan minuman yang boleh didapati di pasaran, yang menyebabkan kita sukar bagi kita memastikan kesahihan status halal atau haram sesuatu makanan itu. Amat menyedihkan juga apabila ramai dikalangan umat Islam kita yang tanpa rasa was-was mengunjungi premis-premis makanan yang dimiliki oleh non-muslim tanpa rasa kekok ekoran citarasa yang tersendiri dan promosi yang ditawarkan.

Lebih mengelirukan, ada pengusaha makanan dan minuman yang mendakwa produk mereka adalah halal kerana tidak mengandungi unsur-unsur daging khinzir atau alkohol, namun mereka tidak mempunyai sijil perakuan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Halal dan haram merupakan suatu isu yang sering dipertanyakan dan dibincangkan sehingga kini. Isu mengenai halal dan haram menjadi satu fokus yang cukup hangat diperdebatkan dalam kalangan masyarakat Malaysia dan media-media luar negara. Sedikit kesalahfahaman dalam isu ini akan membawa kepada pelbagai salah tanggapan terhadap institusi agama, Muslim dan Islam sendiri. Jadi, sebagai seorang pengguna yang beragama Islam, bagaimana kita hendak memastikan bahawa kita tidak tersilap langkah memakan makanan yang haram?

Jawapan kepada persoalan ini sebenarnya sudah ada dalam diri kita, iaitu kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya – memahami konsep "Halalan Toyyiban".

ASAL BAGI SESUATU HARUS

Dasar Islam meyakini bahawa segala sesuatu yang datang merupakan daripada Allah SWT. Berdasarkan kaedah usul fiqh:

الأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ

Maksudnya:

Asal bagi setiap sesuatu adalah harus. Justeru, tiada yang haram melainkan jika terdapatnya nas yang sahih dan jelas daripada syariat yang menetapkan pengharamannya. Begitu jugalah dengan penetapan hukum makanan yang menetapkan tidak haram bagi sesuatu makanan itu jika tiada dalil daripada sumber utama umat Islam iaitu Al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qias.

Dr Yusuf Al-Qaradhawi dalam *Al-Halal Wa Al-Haram* berkata: "Mustahil bagi Allah SWT untuk menciptakan semua barangan ini untuk memudahkan manusia serta dikurniakan—Nya buat mereka semua ini. Kemudian, diharamkan—Nya kepada manusia dari semua barangan itu dengan tetap menjadikannya haram pula kepada mereka. Jika demikian, apa hikmahnya ianya diciptakan untuk manusia menikmatinya? Tentulah ianya bertentangan sama sekali. Tetapi sebenarnya, Allah SWT hanya mengharamkan sebahagian dari barangan itu, dengan adanya sebab dan hikmah yang tertentu. Dengan itu juga, lingkungan pengharaman dalam syariat Islam itu sangat sempit. Malah lingkungan penghalalannya pula sangat luas. Ini kerana nas—nas yang sah lagi jelas membawa tentang hukum pengharaman itu sangat sedikit. Di samping itu, mana yang tidak ada nas dari hal penghalalannya atau pengharamannya, maka dihukumkan tetap di atas hukum asalnya, iaitu mubah (dibolehkan) atau dikategorikan dalam lingkungan yang dimaafkan oleh Allah SWT.

Namun, mencari sesuatu yang halal merupakan kewajiban yang wajib dipatuhi, diakui dan diamalkan oleh semua umat Islam berdasarkan nas—nas yang terkandung dalam Al—Quran hadith Nabi Muhammad SAW

Kalimah "Halal" adalah satu kata nama bahasa Arab di mana kata dasar *Halla, Yahillu, Hllan* yang membawa erti membebaskan, melepaskan, memecahkan, membubarkan dan membolehkan¹. Berdasarkan sumber umat islam yang pertama dan utama iaitu Al—Quran al—karim, perkataan halal telah disebut sebanyak 49 kali²

Allah SWT berfirman lagi di dalam kitabnya yang mulia pada surah al—Maidah, ayat 88:

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ

Maksudnya:

"Dan makanlah makanan yang halal lagi baik dari apa yang Allah telah rezekikan kepadamu, dan bertakwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada—Nya".

Firman Allah SWT dalam Al—Quran al—karim pada surah al—Mui'minun, ayat 51:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا ۚ إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ

Maksudnya:

"Wahai para rasul! Makanlah dari makanan yang baik—baik, dan kerjakanlah amal soleh. Sungguh, Aku Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan".

Dalam ayat di atas kita diperintah oleh Allah SWT untuk memakan makanan yang baik—baik (halal), ini bererti kita disuruh untuk berusaha dan bekerja mencari makanan yang halal. Perkara ini sama dengan perintah Allah SWT ke atas kita untuk menunaikan solat, bererti kita juga diperintahkan untuk mengambil wuduk³.

Berdasarkan ayat Al—Quran dan hadis yang telah disebutkan di atas, sangatlah jelas lagi terang untuk umat Islam memahami bahawa wajib bagi seseorang itu mencari dan memakan sesuatu yang halal sahaja dan meninggalkan segala yang haram.

KISAH DARIPADA SIRAH NABI DAN ULAMA MENGENAI PENTINGNYA MAKANAN YANG HALAL

Para Ulama' juga sangat berhati—hati dalam mengambil dan menentukan halal dan haram. Dirwayatkan bahawa Imam Al—Haramain setiap kali ditanya oleh seseorang, ia selalu dapat menjawab. Namun, pada suatu hari, apabila terdapat soalan yang ditanya seseorang, beliau tidak menjawab. "mengapa kau tidak menjawab?" tanya seseorang. Jawab Imam Al—Haramain "mungkin kerana sisa susu yang masih tertinggal". "apa maksudmu?" tanya lelaki itu. Jawabnya "dahulu sewaktu aku masih menyusu, ayahku sangat berhati—hati dalam menjaga minumanku. Beliau tidak membiarkan ibuku makan sesuatu, kecuali yang benar—benar halal. Suatu hari seorang wanita keluarga fulan masuk ke rumah kami. Tanpa sepengetahuan ibuku, wanita itu meletakkan aku di pangkuanya kemudian menyusuiku. Mengetahui hal ini ayahku sangat marah lalu memasukkan jarinya kedalam mulutku, sehingga aku muntahkan semua susu yang baru saja aku minum dari budak itu. Namun, rupanya masih ada susu yang tersisa." Imam Al—Haramain adalah tempat bertanya masyarakat. Beliau menghafal ucapan guru beliau, Abu Bakar al—Baqillani, yg tertulis dalam 12000 lembar kertas mengenai ushul.

KENAPA MAKANAN YANG HALAL?

Persoalan yang mungkin timbul kepada manusia ialah mengapa Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW menyeru agar umat Islam memilih makanan yang halal dalam kehidupan seharian? Sudah tentu adanya hikmah dan kelebihan yang dapat membantu manusia menjalani kehidupan sebagai hamba Allah SWT dengan lebih baik sebagaimana berikut:

— Supaya doa dimakbulkan oleh Allah SWT Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud : "Seorang lelaki bermusafir sehingga rambutnya menjadi kusut dan mukanya dipenuhi debu. Dia menadah tangannya dan berdoa kepada Allah SWT sedangkan makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan mulutnya disuapi dengan sesuatu yang haram, bagaimana akan diperkenankan pemohonannya?"
(Hadith Riwayat Muslim, Ahmad & Tirmizi).

— Selamat daripada seksaan api neraka. Saad bin Abi Waqas bertanya kepada Rasulullah SAW: "Wahai Rasulullah, pintalah kepada Allah agar Dia menjadikan doaku mustajab. Jawab Rasulullah SAW: Wahai Saad, jagalah soal makanmu nescaya kau menjadi orang yang makbul doanya. Demi Allah yang nyawa Muhammad dalam tanganNya, jikalau seseorang lelaki memasukkan sesuap makanan haram dalam perutnya, doanya tidak akan diterima selama empat puluh hari. Sesiapa hamba yang dagingnya tumbuh dari makanan haram dan riba maka neraka lebih layak baginya"

(Hadith Riwayat Ibnu Abbas).

— Amal ibadat diterima oleh Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud : "Barangsiapa yang bersembahyang dengan mengenakan pakaian yang dibeli dengan sepuluh dirham dan satu dirham daripadanya dari sumber yang haram, Allah tidak akan menerima solatnya". Rasulullah SAW bersabda : "Allah itu suci dan Dia tidak akan menerima melainkan yang suci juga"

(Hadith Riwayat Muslim).

¹Abdul Aziz Dahlan et.all, Ensiklopedi Hukum Islam, Jilid 4, PT. Ikhtiar Baru Van Hoeve, Jakarta, 1997.

²Al—Hamshi, Muhammad Hasan, Dr. (t.t) Al—Qur'an al—Karim Tafsir wa al—Bayan Maa Asbab al Nuzul li Suyuti, t.p. Damsyik, h.67.

³Muhammad at—Thahali ar—Roawi. 2001. Rezeki Halal Dan Haram (pengertian dan tuntutan). Crescent News (KL) Sdn.Bhd. Kuala Lumpur.

Membentuk darah daging yang baik dalam badan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Ingatlah bahawa di dalam tubuh badan manusia itu ada sepotong daging, yang apabila daging itu baik, maka baiklah seluruh tubuhnya, dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh tubuh itu, ingatlah bahawa yang dimaksudkan itu ialah hati"

(Hadith Riwayat Bukhari & Muslim).

Oleh yang demikian, adalah menjadi satu kewajipan dan tanggungjawab umat Islam pada hari ini untuk lebih berhati-hati dan mengambil berat berkaitan pemakanan halal ini. Hendaklah kita sentiasa memastikan bahawa setiap makanan yang diperoleh dan dimakan itu adalah halal menurut syariat Allah SWT. Sesungguhnya suruhan Allah SWT ini adalah untuk tujuan dan kebaikan manusia bersama.

Kebiasaannya sebagai pengguna kita mengimpikan harga yang rendah bukannya harga yang berpatutan. Sebab itu bila datang sesuatu produk dari pengusaha muslim kita akan kata mahal dan sebagainya. tapi pernahkah kita terfikir susah payah pengusaha tersebut cuba menyediakan ruang untuk kita mendapat produk halal ini? Kita hanya mengeluh harga mahal bukan berterima kasih kepada pengusaha tersebut.

Produk Halal vs BMF

Rasanya majoriti pengusaha muslim tidak mempunyai modal yang besar dan sukar untuk membuat pusingan modal. Oleh sebab itu kita perlu membantu dari segi membeli produk tersebut dengan harapan bila ramai orang membeli produk tersebut syarikat tersebut mendapat untung maka akhirnya mereka mampu memberikan harga yang berpatutan kepada kita semua. Malangnya melalui pengamatan saya kebanyakan dari kita akan menolak sebab harga mahal termasuklah orang-orang yang bergelar 'ustaz' atau 'ustazah' dan akhirnya dengan rela hati memilih untuk menggunakan produk pengusaha bukan Islam. Maka kita secara tak sengaja telah menguntungkan pengusaha tersebut lantas bersama modal yang besar dan keuntungan dari sokongan kita harga produk tersebut akan menjadi semakin murah. Dan kita terus membeli sebab harga murah berbanding dengan produk pengusaha muslim. Kalau semua orang Islam beli produk pengusaha muslim berkemungkinan produk-produk lain akan tutup kedai.

Bagi pengusaha-pengusaha yang mengeneipkan isu-isu halal-haram dan hanya mementingkan keuntungan semata-mata akan mencari sumber-sumber yang murah walau pun sumber tersebut tidak halal atau lebih tepat lagi HARAM. Tetapi bagi pengusaha yang sensitif tentang isu halal-haram, sumber-sumbernya adalah terhad kepada yang halal sahaja dan pengendaliannya juga dijaga untuk menjamin kehalalan, kesucian dan kebersihan produk tersebut. Jadi kosnya adalah lebih mahal.

Dari segi pemasaran pula, bagi produk-produk yang tidak halal, pelanggannya terdiri dari pengguna-pengguna bukan Islam, juga yang sedihnya, tidak ketinggalan sebilangan besar pengguna umat Islam yang mengeneipkan atau tidak sensitif isu halal-haram juga membeli produk tersebut, bagi mereka "janji murah". Oleh sebab itu dari segi "volume" atau jumlah jualannya adalah sedikit dan kurang keuntungannya. Bagi produk halal pula, ianya terhad kepada pembeli atau hanya berkisar kepada umat Islam yang betul-betul sensitif dengan isu halal-haram sahaja dan juga terdiri dari sebilangan kecil yang bukan Islam yang mementingkan isu kebersihan, kerana mereka yakin kebiasaannya produk yang halal juga adalah bersih dari segi pengendaliannya.

Perkara ini sebenarnya bertolak balik kepada para pengguna-pengguna Islam juga. Kalau para pengguna sanggup berkorban sedikit dan sanggup menyokong perjuangan pengusaha-pengusaha produk halal ini, lama kelamaan apa bila sampai masanya harganya akan turun. Apa salahnya kita sebagai pengguna-pengguna Islam mengambil peluang ini untuk berjihad sedikit. Kerana bagi pengusaha-pengusaha produk halal ini, apa bila cukup tahun mereka juga akan mengeluarkan zakat dari jumlah keuntungan mereka, yang mana ia akan membantu dan menguntungkan umat Islam kembali, Insyallah.

Persoalan yang bermain dalam minda kita adalah, kenapa harga produk keluaran orang Islam agak mahal berbanding dengan produk keluaran orang bukan Islam. Penulis kurang bersetuju dengan pendapat bahawa kita berjihad sedikit dengan membeli produk halal walaupun agak mahal. Sepatutnya jihad sedikit adalah dari kalangan pengusaha sendiri, bukannya dari pengguna. Kita sebagai pengguna, tidak boleh menyalahkan isu volume atau market yang kecil berbanding produk tidak halal menyebabkan harganya tinggi untuk 'cover' kos. Kerana produk-produk yang 'tidak halal' akan menggunakan strategik menawan hati pengguna dgn harga yang murah dahulu, kerana itu prinsip asas dalam perniagaan.

Jika dikaji kembali, syarikat-syarikat 'tidak halal' yang besar-besar dahulunya dulu juga bermula dengan kecil-kecilan. Adakah mereka mengenakan harga yang tinggi ketika mereka mula-mula melancarkan produk mereka? Pasti tidak. Dan setelah berkembang pesat, adakah harga mereka mahal? Juga tidak, masih murah berbanding produk halal.

Kita juga tidak harus menyeru pengguna-pengguna islam ber'korban' sedikit untuk sanggup menyokong per'juangan' pengusaha-pengusaha produk halal ini, pernahkah kita terfikir kenapa tidak pengusaha-pengusaha tersebut berkorban sedikit untuk pengguna-pengguna islam? Jawapannya ada pada diri masing-masing.

Kesimpulan

Mencari sumber makanan yang halal dan baik merupakan satu ibadah yang akan dinilai oleh Allah SWT sebagai satu kewajipan. Oleh sebab itu, mencari sumber makanan yang halal dan baik, segala usaha kearah merealisasikan kewajipan tersebut merupakan satu ibadah samaada ilmu berkaitan halal dan haram, usaha mengembangkan industri halal dan lain – lain lagi. Kita sebagai pengguna hendaklah membantu industri halal dengan hanya membeli produk yang halal dan menjauhi produk yang tidak memiliki persijilan halal JAKIM yang sah. Semoga darah daging yang tumbuh dalam diri kita adalah berasal dari sumber yang halal dan menjadi penyebab kepada doa dan amalan diterima oleh Allah SWT.



TERUS ISTIQAMAH
Buy Muslim First
Utamakan Produk Muslim

AKTIVITI UNIT INTEGRITI

MAJLIS SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN MALAYSIA YANG KE 62

Tarikh: 30 Ogos 2019 | Masa: 9.00 pagi



Pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Negeri Selangor bergambar kenangan bersama S.S Dato Setia Haji Mohd Tamyas bin Abdul Wahid (Dato Seri Utama Diraja Mufti Selangor)

Pada tanggal 30 Ogos 2019 jam 9.00 pagi, JMNS telah meraikan Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke 62 dengan tema ***Sayangi Malaysiaku : Malaysiaku Bersih***. Bagi membawa semangat tema iaitu Malaysia Bersih, Unit Integriti JMNS membawakan khas Penolong Penguasa SPRM Selangor iaitu Mohd Zamir Ahmad Zubid bagi menyampaikan Ceramah Integriti Siri 1/2019 berkaitan Rasuah dan Kemerdekaan. Program dihadiri oleh 34 orang pegawai dan kakitangan JMNS.



Cenderamata disampaikan oleh S.S Dato Setia Haji Mohd Tamyas bin Abdul Wahid (Dato Seri Utama Diraja Mufti Selangor) kepada Mohd Zamir Ahmad Zubid (Penolong Penguasa SPRM Selangor).

AKTIVITI BAHAGIAN FATWA

MAC 2019

MESRA UMMAH BERSAMA JABATAN MUFTI(MUBJM) DI MASJID AL-MUJAHIDEEN, DAMANSARA UTAMA, PETALING JAYA.



KUNJUNGAN HORMAT DARI BAHAGIAN DASAR DAN PENYELIDIKAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

BICARA FATWA Bil. 1/2019 DI MITS ALAM IMPIAN, KLANG



MUBJM BIL. 3/2019 DI MASJID PUTRA PERDANA,TMN. PUTRA PERDANA, PUCHONG



APRIL 2019

BENGKEL FELO AHKAM SIRI 1 /2019
BERTEMPAT DI HOTEL ALIYA, KLANG

MUHADHARAH BERSAMA SYEIKH PROF. DR. MUSTAFA
DIB AL-BUGHA BERTEMPAT DI HOTEL ALIYA ,KLANG



BICARA FATWA BIL. 2/2019 PEJABAT DAERAH & TANAH KLANG



MEI 2019

ZIARAH KLIEN (YAZID KONG ABDULLAH) DI PENJARA KAJANG



JUN 2019

MESYUARAT PRE-COUNCIL MJKFNS BIL.3/2019
DI Ting.7, JMNS



MUBJM BIL.5/2019
DI MASJID JAMI'UL HUDA, KG. MELAYU AMPANG HULU LANGAT



BICARA FATWA BIL.2/2019 DI PEJABAT
DAERAH & TANAH PETALING



MUBJM BIL. 6/2019
DI MASJID BANDAR BARU PUCHONG, PETALING



JULAI 2019

MUZAKARAH AJK FATWA NEGERI SELANGOR BERSAMA
Y.A.B DATO' MENTERI BESAR SELANGOR



BICARA FATWA BIL.3/2019 PERINGKAT
PEJABAT DAERAH & TANAH GOMBAK



MUBJM BIL.7/2019
MASJID AL-ANSAR, TMN. KERAMAT GOMBAK



OGOS 2019

MUZAKARAH TAHUNAN AJK FATWA NEGERI SELANGOR
BERSAMA AJK FATWA NEGERI TERENGGANU



MUBJM BIL. 8/2019
DI MASJID AL-FALAH RAWANG, TAMAN TUN TEJA, RAWANG



SEPTEMBER 2019

MUBJM BIL.9/2019 DI MASJID JAMIUL REDZUAN, KG. SG. SERDANG



Aktiviti BAHAGIAN FALAK

KONVENSYEN FALAK NEGERI SELANGOR 2019 PERINGKAT KEBANGSAAN

MAC 2019



KAJIAN WAKTU SOLAT TEMPAT TINGGI DI BANGUNAN KEJURUTERAAN UITM SHAH ALAM



PROGRAM CERAPAN HILAL



APRIL 2019

PROGRAM FALAK SEKOLAH



PELANCARAN BULAN PANITIA SAINS

JUMAAT, 12 APRIL 2019
DI DATARAN SK CHERAS KUALA
BERAWAN TERBUKA SK CHERAS KUALA

WAKTU	PROGRAM
7.00 - 8.00 PAGI	BACAAN KADIN
8.00 - 9.00 PAGI	MALIS PELANCARAN DAN PERASMIAN BULAN PANITIA SAINS 2019
9.00 - 10.00 PAGI	CERAMAH FALAK BERSAMA JABATAN MULTIMEDIA NEGERI SELANGOR
10.00 - 11.00 PAGI	REHAT
11.00 - 12.00 PAGI	KUZE FALAK (PADAAN MENDUNGGI)
12.00 - 12.30 PAGI	PENCERAMAH BAKHARU DAN TONGKAT (STIRIA)
	(MENCARI AJAH UTAMA BAKAR - FALAK NEGERI)

"SAINS MELAKSANAKAN 1.0 DAN MELAKSANAKAN 4.0"

JOM TEROPONG ANGKASA



KAJIAN WAKTU SOLAT TEMPAT TINGGI DI MENARA KUALA LUMPUR



PROGRAM FALAK SEKOLAH



MEI 2019



PROGRAM FALAK MASJID

JUN 2019



PROGRAM FALAK BERSAMA TENTERA



JOM TEROPONG ANGKASA DI DATARAN SHAH ALAM



JULAI 2019

PROGRAM ISTIWA 'ADZOM PADA 16 JULAI



PROGRAM GERHANA BULAN SEPARA DI MASJID NEGERI SHAH ALAM



PROGRAM PERKHEMAHAN FALAK

OGOS 2019



KARNIVAL FALAK NEGERI MELAKA

SEPTEMBER 2019



Aktif BAHAGIAN MAKTABAH

Lawatan Penanda Aras Penerbitan dan Pengurusan Sumber Maklumat di Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan



Persembahan tayangan video korporat oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan

Pada 23 September 2019, Bahagian Maktabah, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengadakan satu lawatan penanda aras bagi tujuan melihat kaedah pengurusan penerbitan dan sumber maklumat yang diuruskan di Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan yang bertempat di Menara MAINS, Seremban. Lawatan ini diketuai oleh Ustazah Jamilah binti Muhammad Jamil (Ketua Bahagian Maktabah) yang turut disertai oleh Ustaz Haji Hardi bin Haji Mohamad Sadali (Ketua Bahagian Falak) dan kakitangan Unit Sumber Maklumat, ICT serta pelajar praktikal. Kunjungan ini telah disambut mesra oleh S.S. Ustaz Amran bin Haji Awaludin (Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan) yang turut diiringi oleh Ustaz Mohd Rashidi bin Isa (Ketua Bahagian Falak dan Sumber Maklumat), Mohamad Tahir bin Kamis (Ketua Bahagian Fatwa) dan kakitangan Jabatan. Lawatan ini dimulakan dengan tayangan video korporat Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan diikuti dengan taklimat berkenaan proses kerja khusus bagi penerbitan dan sumber maklumat dan turut dibawa melawat ke Pustaka Hikmah iaitu kedai jualan bahan terbitan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. Kedua-dua pihak turut berkongsi pendapat dan kaedah yang dilaksanakan di Jabatan masing-masing bagi memantapkan lagi fungsi Unit Sumber Maklumat ini.



Sesi bergambar kenangan bersama S.S. Dato' Haji Mohd Yusof bin Haji Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Sembilan bersama kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.



Melawat ruang perpustakaan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan

Aktif BAHAGIAN MAKTABAH



Lawatan ke Pustaka Hikmah, kedai jualan buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan



Ahli rombongan diberi penerangan berkenaan buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan yang turut dijual kepada orang awam.

Sesi Knowledge Sharing : Teknologi Blockchain



Seiring dengan kemajuan teknologi ICT yang semakin mencabar, Unit ICT mengambil inisiatif bagi mengadakan satu sesi *knowledge sharing* mengenai *teknologi blockchain* sebagai satu pendedahan teknologi kepada kakitangan Jabatan Mufti Negeri Selangor. Sesi knowledge sharing ini telah disampaikan oleh Syarikat Serba Dinamik IT Solutions Sdn Bhd pada 12 September yang lalu bertempat di Bilik Mesyuarat Raja Mahmud Zuhrdi, Jabatan Mufti Negeri Selangor.

Informasi Fatwa

(HALAL & HARAM)

1. HUKUM URUS NIAGA DAN STATUS HUKUM PENGGUNAAN HAMPAS GANDUM DARI PROSES BUAT ARAK (BEER) SEBAGAI MAKANAN UTAMA HAIWAN TERNAKAN (LEMBU TENUSU)

Adalah haram mengurus niaga gandum (brew) dari kilang arak sebagai makanan haiwan ternakan seperti lembu tenusu kerana terdapat unsur-unsur syubhah dalam urus niaga yang berkaitan dengan pembuatan arak. (9 September 2013 – Tidak Warta)

2. HUKUM MINYAK IKAN YANG DIPROSES TANPA DIBUANG PERUT DAN NAJISNYA

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali 1/2015 yang bersidang pada 3 Mac 2015 bersamaan 12 Jumadal Ula 1436H memutuskan bahawa:

Minyak ikan yang diproses dalam kuantiti yang melibatkan beribu-ribu tan ikan tanpa dibuang perut dan tahinya adalah harus diamankan. (3 Mac 2015 – Tidak Warta)

3. HUKUM MENUBUHKAN BANK SUSU DI MALAYSIA

Hukum penubuhan bank susu ibu adalah tidak diharuskan kerana:

(i) Penubuhan bank susu boleh mengakibatkan percampuran nasab dan membawa umat Islam terjebak dalam keraguan dan perkara yang haram; dan

(ii) Keperluan penubuhannya juga tidak berada dalam keadaan darurat sehingga mengancam masalah awam. (27 Disember 2012 – Warta)

Terjemahan hadith Nabi S.A.W :

“Tiap-tiap daging yang tumbuh dari benda yang haram, maka neraka lebih utama untuknya.”

(HR Tirmizi)

HALAL

HARAM



AKTIVITI BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

1. HARI AUTISME SEDUNIA PERINGKAT AGENSI-AGENCI KERAJAAN NEGERI SELANGOR YANG DIADAKAN PADA 2 APRIL 2019



Antara Kakitangan yang hadir memberikan sokongan kepada Hari Autisme dengan memakai pakaian berwarna biru.



Penyampaian buah tangan kepada saudara Mohd Helmi bin Mohd Anwar iaitu adik kepada salah seorang Pegawai JMNS yang merupakan anak istimewa Autisme.

2. KURSUS PENGURUSAN REKOD YANG DIADAKAN PADA 16.4.2019



Bergambar bersama penceramah (tengah) dan kakitangan JMNS yang hadir menjayakan bengkel pengurusan rekod awam. Bengkel ini dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bagi memberi kefahaman berkaitan pengurusan rekod awam kepada pegawai dan kakitangan JMNS



4. BENGKEL PEMANTAPAN AUDIT DALAM MS ISO 9001:2015 YANG DIADAKAN PADA 22-24 APRIL 2019 DI KINRARA RESORT, PUCHONG



Bergambar bersama auditor-auditor JMNS dan Puan Zarina bt Mohd Sharif iaitu penceramah bagi bengkel pemantapan ini.

3. LAWATAN MUHIBBAH DARI SAUDARA-SAUDARA MUSLIM IBU PEJABAT POLIS DIRAJA MALAYSIA DAERAH PETALING JAYA YANG DIADAKAN PADA 17 APRIL 2019.



Bergambar bersama Ustazah Jamilah binti Muhammad Jamil (tengah) mewakili S.S Dato Mufti Selangor, para kakitangan JMNS dan para delegasi lawatan.



Cenderamata yang disampaikan oleh Ustazah Jamilah Muhammad Jamil (Penolong Mufti Kanan) mewakili S.S Dato Mufti kepada wakil delegasi lawatan.

5. EXIT CONFERENCE AUDIT DALAM, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 JUN 2019 (PENGAUDITAN BERMULA PADA PENGHUJUNG APRIL 2019 SEHINGGA PERTENGAHAN MEI 2019)



Bergambar bersama S.S Dato Mufti Selangor, Timbalan Mufti Selangor dan Encik Annuar bin Asmuni (Ketua Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor)



Perbincangan berkenaan penemuan-penemuan dan kaedah penambahbaikan antara auditor dan juga kakitangan JMNS.

AKTIVITI BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

6. LAWATAN KERJA DARI JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI SELANGOR KE JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR PADA 8 JULAI 2019.



Bergambar bersama S.S Dato Mufti Selangor, Timbalan Mufti Selangor dan Tuan Abu Bakar Bin Mohd Daud (Ketua Pendakwa Raya Syariah Negeri Selangor).



Penyampaian cenderamata oleh S.S Dato Mufti Selangor kepada Tuan Abu Bakar bin Mohd Daud (Ketua Pendakwa Raya Syariah Negeri Selangor).

7. AUDIT PERSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015 YANG DIADAKAN PADA 11-12 JULAI 2019



Bergambar bersama S.S Dato Mufti Selangor, Timbalan Mufti Selangor, para kakitangan dan delegasi SIRIM yang diketuai Puan Hanida binti Ghazali.



Penyampaian cenderamata Oleh S.S Dato Mufti Selangor kepada Ketua Auditor SIRIM iaitu Puan Hanida binti Ghazali.

Aktiviti AKRAB

1 Mesyuarat jawatankuasa AKRAB Jabatan Mufti Negeri Selangor kali 2-2019 pada 18 Mac 2019



2

Aktiviti Art Terapy oleh AKRAB MPAJ sempena Program Hari Terbuka Maktabah 2019 yang diadakan pada 23 Mac 2019 bertempat di Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Jamaah, Shah Alam.



3

Program Tazkirah Khas disampaikan oleh Ustazah Isfadhah Mohd Dasuki anjuran AKRAB JMNS dengan kerjasama Kelab Kebajikan Jabatan Mufti Negeri Selangor pada 27 Julai 2019 di Cherengin Hills Resort, Janda Baik, Pahang Darul Makmur.



4

Jemputan Program AMAR Ambang Merdeka anjuran Jabatan Agama Islam Selangor dengan kerjasama AKRAB JMNS pada 30 & 31 Ogos 2019 di sekitar Dataran Kemerdekaan, Shah Alam



5

Bicara Psikologi Siri 1/2019 anjuran AKRAB JMNS dengan kerjasama Unit Integriti yang diadakan pada 13 September 2019, bertempat di Bilik Mesyuarat Raja Haji Mahmud Zohdi, Tingkat 8, Jabatan Mufti Negeri Selangor



TAUDHIH AL-AHKAM



Adakah ikan yang diberi makanan yang tidak halal boleh dimakan?.

Ikan yang telah diberi makanan yang tidak halal hukumnya adalah haram dimakan. Ini merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 9 April 2007 berkenaan Status Kesucian Ikan Yang Diberi Makanan Tidak Halal, mesyuarat telah memutuskan bahawa :

- (1) Ikan ternakan yang dipelihara dalam kolam, tasik, lombong dan seumpamanya serta diberi makanan daripada najis seperti babi dan bangkai sebagai sumber makanan utama adalah haram dimakan; dan
- (2) Penternak dilarang memberi ikan ternakan dengan makanan utama daripada najis sebagai langkah disamping menjaga sensitiviti umat Islam.

Rujukan fatwa :

<http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/pewartaan/2005-2009/178-status-kesucian-ikan-yang-diberi-makanan-tidak-halal>



Bolehkah menggunakan produk kosmetik daripada haiwan?.

Menggunakan produk kosmetik yang berunsurkan haiwan mestilah dilihat daripada beberapa aspek. Sebagaimana keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 2 Oktober 2006, telah memutuskan berkenaan Penggunaan Anggota Atau Unsur Haiwan Yang Haram Dimakan Selain Daripada Anjing Dan Babi Untuk Tujuan Kosmetik seperti berikut:

- i. Islam menitikberatkan kebersihan namun produk-produk yang dihasilkan atau diambil daripada anggota atau unsur haiwan yang halal di makan, tetapi sekiranya ia mendatangkan mudarat, penggunaannya adalah dilarang oleh Islam.
- ii. Oleh itu, sebarang produk kosmetik atau sebagainya yang mengandungi bahan najis seperti anggota atau unsur haiwan yang haram dimakan atau yang memberi kemudahan kepada manusia adalah haram digunakan.

Rujukan Fatwa:

<http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/keputusan-fatwa-xwarta/2006/730-fatwa-penggunaan-anggota-atau-unsur-haiwan-yang>

Apakah hukum memakan belangkas?

Memakan belangkas hukumnya adalah harus. Ini berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (MJKFNS) Kali ke 1/2011 yang bersidang pada 8 Februari 2011/ 5 Rabiul Awal 1432H telah bersetuju membuat keputusan harus memakan telur dan isi belangkas dengan alasan seperti berikut:—

- i. Belangkas bukan hidupan dua alam, ia hidupan air; dan
- ii. Kandungan toksid yang terdapat dalam badannya hendaklah dipisahkan (dibuangkan).

Rujukan Fatwa :

<http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/keputusan-fatwa-xwarta/2010/567-hukum-memakan-daging-isi-belangkas-dan-telurnya>

Bolehkah Kopi Luwak diminum?

Berkenaan dengan minuman Kopi Luwak (Musang), perkara ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 7 Oktober 2013, bahawa:

1. Biji Kopi Luwak adalah bersifat mutanajjis. Walau bagaimanapun, ia harus dijadikan bahan minuman dengan syarat biji kopi tersebut hendaklah;
 - a) **Disucikan daripada najis; dan**
 - b) **Dalam keadaan baik, tidak berlubang, tidak pecah dan dapat tumbuh jika di tanam.**
2. Kopi Luwak yang dihasilkan hendaklah mendapatkan sijil **pengesahan halal JAKIM/MAIN.**

Rujukan Fatwa:

<http://www.muftiselangor.gov.my/awam/fatwa/fatwa-terkini/313-hukum-meminum-kopi-luwak-musang>

INFORMASI FALAK

GERHANA MATAHARI DI MALAYSIA 2019 SEHINGGA 2042

Oleh: Azezul Azery bin Zul Azmi
Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Selangor

Kejadian Gerhana Matahari berlaku apabila cakera Bulan menutupi sebahagian atau sepenuhnya cakera Matahari. Berdasarkan kedudukannya, Bulan mestilah berada di antara Bumi dan Matahari semasa kongjungsi serta memenuhi syarat untuk berlakunya gerhana itu. Gerhana Matahari dibahagikan kepada tiga jenis iaitu Gerhana Matahari Penuh, Gerhana Matahari Cincin, dan Gerhana Matahari Separa.



Gerhana Matahari Cincin berlaku apabila ketika kongjungsi ianya memenuhi syarat gerhana dan Bulan berada pada kedudukan jauh dengan Bumi. Oleh itu, saiz cakera Bulan kelihatan sedikit lebih kecil berbanding saiz cakera Matahari sehingga ketika gerhana seolah-olah terhasil sebuah cincin di langit. Pada 26 Disember 2019 telah berlaku satu Gerhana Matahari Cincin dan memberi peluang kepada kita untuk mencerap kejadian tersebut.

Walaupun bagaimanapun, Gerhana Matahari Cincin itu yang berlaku di sekitar daerah paling selatan di Malaysia iaitu di Tanjung Piai, Johor dan Serian, Sarawak. Manakala di Selangor mengalami Gerhana Matahari Separa. Gerhana Matahari Cincin di Johor berlaku untuk tempoh antara dua minit 30 saat hingga tiga minit 30 saat bermula jam 1.21 tengahari hingga 1.23 tengahari yang bergantung kepada lokasi cerapan.

Di Selangor, Gerhana Matahari Separa bermula pada jam 11.17 pagi dan disunatkan untuk mengerjakan Solat Sunat Gerhana Matahari serta menyampaikan khutbah gerhana. Manakala kemuncak waktu gerhana tersebut adalah jam 1.14 tengahari dan berakhir pada jam 3.11 petang.

Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengambil peluang ini dengan melakukan cerapan gerhana di tiga lokasi iaitu Pulau Batam Indonesia, Tanjung Piai Johor dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Aisyah RA bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda bermaksud:

“Sesungguhnya matahari dan bulan adalah dua macam tanda dari tanda-tanda kekuasaan Allah SWT. Terjadinya gerhana matahari atau bulan itu bukanlah kerana kematian seseorang atau kehidupannya. Maka jikalau kamu melihatnya, berdoalah kepada Allah, bertakbirlah, bersedekahlah serta bersolatlah”.

Sebagai panduan dilampirkan gambaran lintasan Gerhana Matahari bagi tarikh–tarikh berlakunya Gerhana Matahari samada Penuh, Separa atau Cincin yang akan berlaku dari 2019 hingga 2042 di Malaysia.

26 Disember 2019
GERHANA MATAHARI CINCIN DI MALAYSIA



Sebahagian selatan Semenanjung Malaysia dan sebahagian Sarawak akan dapat menyaksikan Gerhana Matahari Cincin pada waktu tengahari. Kawasan lain Malaysia akan mengalami Gerhana Matahari Separa.

21 Jun 2020
GERHANA MATAHARI SEPARA




Keseluruhan Malaysia akan dapat menyaksikan Gerhana Matahari Separa pada lewat tengahari.

20 April 2023
GERHANA MATAHARI SEPARA




Keseluruhan Malaysia akan dapat menyaksikan Gerhana Matahari Separa.

2 Ogos 2027
GERHANA MATAHARI SEPARA



Semenanjung Malaysia akan dapat menyaksikan Gerhana Matahari Separa rendah di ufuk barat menjelang Maghrib.

22 Julai 2028
GERHANA MATAHARI SEPARA




Malaysia akan dapat menyaksikan Gerhana Matahari Separa lewat pagi.

13 Julai 2037
GERHANA MATAHARI SEPARA



Sebahagian Semenanjung dan keseluruhan Sabah dan Sarawak akan menyaksikan Gerhana Matahari Separa pada lewat pagi.

26 Disember 2038
GERHANA MATAHARI SEPARA



Keseluruhan Malaysia akan dapat menyaksikan Gerhana Matahari Separa sedang terbit rendah di ufuk timur pada waktu pagi.

20 April 2042
GERHANA MATAHARI PENUH DI MALAYSIA



Sabah dan Sarawak akan menyaksikan Gerhana Matahari Penuh. Semenanjung Malaysia akan mengalami Gerhana Matahari Separa.

14 Oktober 2042
GERHANA MATAHARI CINCIN DI MALAYSIA



Sebahagian Semenanjung Malaysia dan Sarawak akan dapat menyaksikan Gerhana Matahari Cincin pada awal pagi. Kawasan lain akan mengalami Gerhana Matahari Separa.

TARIKH GERHANA	JENIS GERHANA	KAWASAN GERHANA
26 Disember 2019	Gerhana Matahari Cincin	Johor dan Sarawak
21 Jun 2020	Gerhana Matahari Separa	Keseluruhan Malaysia
20 April 2023	Gerhana Matahari Separa	Keseluruhan Malaysia
2 Ogos 2027	Gerhana Matahari Separa	Semenanjung Malaysia
22 Julai 2028	Gerhana Matahari Separa	Keseluruhan Malaysia
13 Julai 2037	Gerhana Matahari Separa	Sebahagian Semenanjung dan Sabah, Sarawak
26 Disember 2038	Gerhana Matahari Separa	Keseluruhan Malaysia
20 April 2042	Gerhana Matahari Penuh	Sabah dan Sarawak
14 Oktober 2042	Gerhana Matahari Cincin	Sebahagian Semenanjung dan Sarawak



ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG BULANAN

**MAC
2019**

1. USTAZ MOHD ARIFF BIN ARBAIN
2. USTAZAH SHAHEMA BINTI BAHARUDDIN

1. USTAZ HAJI MOHD DARUDDIN BIN TAIB@HASSAN
2. PUAN RABIATUL ADAWIYAH BINTI ROHANI

**APRIL
2019**

**MEI
2019**

1. USTAZ MOHD AMIN BIN HANAPIAH
2. PUAN HAIZATUL AKMA BINTI HARUN

1. USTAZ AHMAD RADHI BIN MAT SHAH
2. PUAN NORLIDA BINTI ABDULLAH

**JUN
2019**

**JULAI
2019**

1. TUAN HAJI ZASALI BIN MOHD YUNUS
2. CIK NUR ADAHIYAH BINTI SAMAD

KELAHIRAN CAHAYA MATA



**HUZAIFAH NUQMAN BIN
KHAIRUL NIZAAM
(24.6.2019)**



PERTUKARAN KAKITANGAN



Bil	Nama Pegawai	Gred	Tarikh Keluar/ Masuk	Bahagian/ Pejabat Asal	Bahagian/ Pejabat Baharu
1.	Ustaz Mohamed Shukry Bin Sulaiman	S48	01.07.2019	Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM	Bahagian Fatwa, JMNS
2.	Harny Fatimah Binti Mahfori	N19	20.8.2019	Bahagian Khidmat Pengurusan, JMNS	Pejabat Daerah / Tanah Kuala Langat
3.	Encik Mohd Haris Cendera Hazani Bin Osman	N19	20.8.2019	Kolej I—Systems Klang	Bahagian Khidmat Pengurusan, JMNS



PENGURNIAAN PINGAT SULTAN SELANGOR

Bil	Nama	Pingat	Tarikh Penganugerahan
1.	PUAN SITI RAHIMAH BINTI ROSNAN	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)	28.8.2019
2.	USTAZAH IRMA YANI BINTI HAYATI	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)	28.8.2019

SENARAI PELAJAR LATIHAN INDUSTRI MAC – SEPTEMBER 2019

BIL	NAMA	TEMPOH	NAMA UNIVERSITI	PENEMPATAN (Bahagian)
1.	Azma binti Supian	22 Jan. – 10 Mei	UiTM	Fatwa
2.	Norsabrina bt. Yusoff	22 Jan. – 10 Mei	UiTM	Fatwa
3.	Nur Hanis binti Abdul Razak	4 Feb. – 24 Mei	USIM	Falak (BCS)
4.	Adam bin Sharip	3 Jun – 23 Ogos	UniSZA	Maktabah
5.	Muhammad Sufian Aziz b. Dzulkafli	3 Jun – 23 Ogos	UniSZA	Fatwa
6.	Nur Izzatul Najihah binti Mohamad	1 Julai – 30 Ogos	UM	Falak

مشقعات التقوى

APR 2019 – SEPT 2019 1440/41H / 2019M



JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

Tingkat 7&8, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah, 40000 SHAH ALAM
Tel : 03-5514 3738/ 3713 / 3714 / 3719